

SUSULAN KEAJAIBAN DAUN RERAMA

10,000 panggilan telefon

“Saya tidak sangka ada pelanggan sampai sanggup buat laporan polis kerana hendak tahu alamat rumah saya untuk melihat sendiri pokok daun rerama. Malah, sejak cerita saya dikeluarkan Harian Metro, 10,000 orang telefon sehingga saya tidak dapat melayan kerana telefon berdering setiap saat.”

Itulah yang dilalui Khamarul Rezan Lim Abdullah, 58, selepas kisah penemuan daun rerama yang didakwa berkesan merawat barah, Sistem Lupus Eritematosus (SLE) dan penyakit lain berkaitan sel darah disiarkan muka hadapan Harian Metro 4 Februari lalu.

“Saya memahami masalah yang dihadapi pesakit, tetapi saya minta maaf kerana daun rerama kehabisan dan perlu menunggu tiga bulan lagi untuk pokok yang baru ditanam mengeluarkan daun.

“Sehingga ke hari ini saya menerima tempahan 16,000 paket daun rerama daripada pelanggan dan menghubungi mereka selepas memperoleh daun berkenaan,” katanya ketika ditemui Harian Metro



LAPORAN Harian Metro,
4 Februari lalu.

di sini, semalam.

Mengulas lanjut Khamarul mendakwa, selain membuat laporan polis untuk mengetahui alamat rumahnya, ada juga pelanggan yang melefonnya cuba menawarkan harga yang lebih tinggi untuk membeli daun rerama ia itu RM100 sepeket 10 gram sedangkan harga yang dijual ialah RM30.

“Tetapi saya bukan seorang yang tamak dan harga yang dijual tetap RM30 kerana saya tahu bukan semua pesakit mampu membayar harga mahal mengubati sakit

FAKTA

Pelanggan lapor polis untuk cari lokasi rumah

KHAMARUL menunjukkan pokok rerama yang ditanam di halaman rumah.

mereka.

“Saya harap pelanggan familiar kerana daun daripada spesies Red Butterfly Winger ini hasil secara semula jadi dan bukannya diproses

menggunakan bahan buatan manusia yang boleh ditingkatkan pengeluaran apabila permintaannya meningkat.

“Saya juga tidak boleh berkongsi alamat rumah atas



DAUN berbentuk ala rama-rama.

faktor tertentu, selain tidak mahu mengganggu kawasan kejiranan dan sebab itu lebih selesa bertemu pelanggan di tempat ditetapkan,” jelasnya.

Akhbar ini pada 4 Februari lalu melaporkan kajian awal sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang terhadap daun rerama sehingga ia menjadi ubat.

yang dikenali sebagai Red Butterfly Wing atau rerama menunjukkan ia mempunyai ciri antikanser dan antikeradangan.

Penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof Madya Dr Latifah Saiful Yazan dipetik berkata, ekstrak tumbuhan itu menunjukkan tindak balas positif terhadap beberapa jenis sel kanser terutamanya kanser payudara pada peringkat *in vitro*.

Ujian makmal Institut Bioteknologi Melaka pada 2010 juga menunjukkan daun rerama mengandungi 13 sebatian kimia yang digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis ubat-ubatan.

Susulan itu, pada 5 Februari lalu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengumumkan bersedia memberi dana bernilai sehingga RM20 juta untuk kos penyelidikan klinikal terhadap daun rerama atas